



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
AKAUN SATELIT SUKAN 2022**

**Industri sukan menjana RM49.5b kepada ekonomi dengan nilai ditambah kasar RM19.6b pada tahun 2022**

**PUTRAJAYA, 31 Mei 2024** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mencatatkan pencapaian yang signifikan dengan menerbitkan **LAPORAN AWALAN AKAUN SATELIT SUKAN 2022** yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan. Majlis pelancaran bagi penerbitan ini telah diadakan di Kementerian Belia dan Sukan pada hari ini, 31 Mei 2024 dan. Statistik ini menyediakan maklumat penting kepada penggubal polisi dan pemegang taruh dalam memantau perkembangan industri sukan. Penerbitan ini merangkumi statistik mengenai pengeluaran, eksport, import dan guna tenaga dalam industri sukan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Industri sukan menjana RM49.5 bilion kepada ekonomi dengan nilai ditambah kasar berjumlah RM19.6 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 12.1 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun sebelumnya. Oleh itu, industri sukan menyumbang 1.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2022. Statistik industri sukan juga diterbitkan di negara lain seperti United States (US) yang menyumbang 2.2 peratus kepada KDNK US pada tahun 2022, diikuti oleh China 1.1 peratus dan United Kingdom (UK) 0.8 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, “Pertumbuhan industri sukan disokong oleh Perkhidmatan sukan dan Perdagangan sukan yang masing-masing bertumbuh 15.9 peratus dan 16.3 peratus. Dari segi sumbangan, industri sukan dipacu oleh Perkhidmatan sukan yang menyumbang sebanyak 37.1 peratus dengan nilai RM7.3 bilion pada tahun 2022. Ini diikuti oleh Perdagangan sukan sebanyak RM6.9 bilion (35.2%), Pembuatan produk sukan RM5.2 bilion (26.6%) dan Pembinaan infrastruktur sukan RM0.2 bilion (1.1%).”

**Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1030, Jumaat, 31 Mei 2024**

Dari segi perdagangan luar, eksport produk sukan meningkat kepada RM11.5 bilion pada tahun 2022 berbanding RM9.7 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport produk sukan didominasi oleh barang dengan sumbangan sebanyak 91.9 peratus (RM10.6 bilion) dan selebihnya 8.1 peratus (RM0.9 bilion) adalah perkhidmatan sukan. Import utama produk sukan juga adalah barang dengan sumbangan 94.4 peratus (RM5.8 bilion) dan perkhidmatan sukan 5.6 peratus (RM0.3 bilion) kepada import produk sukan. Oleh itu, eksport bersih produk sukan merekodkan nilai RM5.4 bilion (2021: RM4.5 bilion) pada tahun 2022.”

Mengulas lebih lanjut mengenai statistik ini, “Guna tenaga dalam industri sukan bertumbuh 3.3 peratus (2021: -2.6%) atau 194.4 ribu orang pada tahun 2022. Dengan ini, guna tenaga dalam industri sukan menyumbang sebanyak 1.3 peratus kepada keseluruhan guna tenaga. Penyumbang terbesar guna tenaga dalam industri sukan disokong oleh Perkhidmatan sukan yang mencatatkan 39.9 peratus diikuti oleh Pembuatan produk sukan (31.6%), Perdagangan sukan (27.7%) dan Pembinaan infrastruktur sukan (0.8%).”

Laporan awalan Akaun Satelit Sukan 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Dikeluarkan oleh:**

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
31 MEI 2024**

## Penemuan utama statistik Akaun Satelit Sukan 2022





MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**SPORT SATELLITE ACCOUNT 2022**

---

**Sport industry generated RM49.5 billion to the economy with a gross value added of RM19.6 billion in 2022**

**PUTRAJAYA, 31<sup>st</sup> May 2024** – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) marks a significant milestone by releasing a **PRELIMINARY REPORT OF THE SPORT SATELLITE ACCOUNT 2022** launched by Yang Berhormat Hannah Yeoh, Minister of Youth and Sports. The statistics will provide valuable insights to policymakers and stakeholders in monitoring the development of the sport industry. This publication includes statistics on production, exports, imports and employment in the sport industry.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Sport industry generated RM49.5 billion to the economy with a gross value added of RM19.6 billion in 2022 with a growth of 12.1 per cent as compared to 1.9 per cent in a preceding year. Hence, the sport industry contributed 1.1 per cent to the Gross Domestic Product (GDP) in 2022. The sport industry statistics also released in the other countries namely the United States (US) which contributed 2.2 per cent of the US GDP in 2022, followed by China at 1.1 per cent and the United Kingdom (UK) at 0.8 per cent."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "The growth of sport industry was supported by Sport services and Sport trade which grew at 15.9 per cent and 16.3 per cent respectively. In terms of share, the sports industry was mainly contributed by Sport services which accounted for 37.1 per cent with a value of RM7.3 billion in 2022. This was followed by Sport trade at RM6.9 billion (35.2%), Manufacturing of sport products at RM5.2 billion (26.6%), and Construction of sport infrastructure at RM0.2 billion (1.1%)."

*In terms of external trade, exports of sport products increased to RM11.5 billion in 2022 as compared to RM9.7 billion in the preceding year. Exports of sport products was dominated by goods with the share of 91.9 per cent (RM10.6 billion) and the remaining share of 8.1 percent (RM0.9 billion) was sport in services. Likewise imports of sport products was mainly from goods with a contribution of 94.4 per cent (RM5.8 billion) and sport in services contributed 5.6 per cent (RM0.3 billion) of imports in sport product. Therefore, the net exports of sport products recorded a value of RM5.4 billion (2021: RM4.5 billion) in 2022.”*

*Further elaborating on these statistics, "Employment in the sport industry grew at 3.3 per cent (2021: -2.6%) or 194.4 thousand persons in 2022. Thus, employment of sport industry contributed 1.3 per cent to the national employment. The largest share of employment in sport industry was attributed to Sport services which accounted for 39.9 per cent, followed by the Manufacturing of sport products (31.6%), Sport trade (27.7%), and Construction of sport infrastructure (0.8%)."*

*The preliminary report of Sport Satellite Account 2022 can be downloaded for free at the Department of Statistics Malaysia portal [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*

**Released by:**

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**31<sup>st</sup> MAY 2024**

**Main findings of the Sport Satellite Account, 2022**

<i>Output of Sport Industry</i>	<i>Gross Value Added of Sport Industry</i>	
<b>RM49.5 billion</b> Growth: <b>14.2%</b> (2021: 1.6%)	<b>RM19.6 billion</b> Share: <b>1.1%</b> (2021: 1.1%)	
<i>Exports of Sport Products</i>	<i>Imports of Sport Products</i>	<i>Employment in the Sport Industry</i>
<b>RM11.5 billion</b> Share: <b>0.8%</b> (2021: 0.9%)	<b>RM6.1 billion</b> Share: <b>0.5%</b> (2021: 0.5%)	<b>194.4 thousand persons</b> Share: <b>1.3%</b> (2021: 1.2%)